

06 MAR 2002

MAHATHIR-PENSWASTAAN/I

USAHA PENSWASTAAN MALAYSIA BERJALAN LANCAR, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rancangan penswastaan negara berjalan dengan lancar dan tidak seharusnya timbul soal kegagalan.

Beliau memberi contoh Telekom dan Tenaga Nasional yang telah meraih keuntungan antara RM200 dan RM300 juta setahun sebelum penswastaan tetapi mencatatkan keuntungan sekitar RM1 bilion hingga RM2 bilion selepas syarikat-syarikat berkenaan diswastakan.

Dr Mahathir berkata demikian ketika sesi soal jawab selepas melancarkan siri syarahan Dewan Profesional Muda Malaysia (PROMUDA) bertajuk "Perspektif Masa Lampau, Paradigma Untuk Masa Depan" di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata ketika kemelesetan dan krisis kewangan pada tahun 1997/1998, banyak syarikat "menderita" akibat serangan ke atas matawang tempatan.

Sesetengah negara telah menjual syarikat mereka untuk mendapatkan dolar AS untuk membayar hutang dan mereka menyifatkan langkah sedemikian sebagai penswastaan, kata beliau.

"Di Malaysia, kita laksanakan penswastaan untuk menjual syarikat-syarikat kepada sektor swasta untuk menjadikannya lebih baik."

Menyentuh mengenai industri penerbangan, Dr Mahathir berkata industri berkenaan telah terjejas sejak berlakunya insiden serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept 2001.

Beliau lalu memberi contoh bahawa syarikat penerbangan Sabena dan Swiss Air yang telah muflis akibat serangan itu.

Oleh itu, katanya, adalah tidak mustahil jika Penerbangan Malaysia turut tidak membuat keuntungan.

Katanya, terdapat keperluan untuk menyokong MAS kerana ia membabitkan kakitangan serta memastikan kepentingan orang ramai tidak diabaikan.

Dr Mahathir juga melahirkan rasa tidak puas hati dengan tahap penyertaan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara yang kini hanya pada kadar 19 peratus.

"Sasarannya adalah 30 peratus," kata beliau. -- BERNAMA

ER MKO SD AA